

## DEBAT PERBANDINGAN AGAMA DI ANTARA SULTAN TERENGGANU DENGAN MUBALIGH KRISTIAN PADA ABAD KE 19

### *THE COMPARATIVE RELIGIOUS DEBATE BETWEEN THE SULTAN OF TERENGGANU AND THE CHRISTIAN MISSIONARY IN THE 19TH CENTURY*

Mohd Ezri @ Asri Abd Rahman<sup>1</sup>  
Ahmad Bazli Shafie<sup>2</sup>  
Wan Helmy Shahrman Wan Ahmad<sup>3\*</sup>

<sup>1</sup>Fakulti Pengajian Kontemporari Islam (UNiSZA), Malaysia  
(E-mail: mohdezri@yit.gov.my)

<sup>2</sup>Fakulti Pengajian Kontemporari Islam (UNiSZA), Malaysia  
(E-mail: bazlishafie@unisza.edu.my)

<sup>3</sup>Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS), UiTM Cawangan Terengganu, Malaysia  
(E-mail: wanhelmy@uitm.edu.my)

\* Corresponding

#### Article history

Received date : 23-2-2025  
Revised date : 24-2-2025  
Accepted date : 9-3-2025  
Published date : 25-3-2025

#### To cite this document:

Abd Rahman, M. E., Shafie, A. B., & Wan Ahmad, W. H. S. (2025). Debat perbandingan agama di antara Sultan Terengganu dengan Mubaligh Kristian pada abad ke 19. *Journal of islamic, social, economics and development (JISED)*, 10 (71), 327-338.

**Abstrak:** Abad ke19 memperlihatkan telah wujudnya gerakan kristianisasi di Alam Melayu. Kehadiran mubaligh-mubaligh Kristian ke rantau ini, merancakkan lagi perkembangan gerakan tersebut. Selain itu, penterjemahan Bible ke dalam Bahasa Melayu adalah suatu wahana penting bagi gerakan ini dalam mengubah pandangan alam Islam di Alam Melayu melalui rekonstruksi peristilahan dasar dalam Islam. Kajian ini akan memfokuskan pendedahan mengenai peranan Istana Kesultanan Melayu Terengganu dalam mempertahankan Akidah Islam berdasarkan perdebatan perbandingan agama di antara Sultan Terengganu dengan mubaligh Kristian pada abad ke 19. Kajian Kualitatif dengan reka bentuk kajian perpustakaan ini dijalankan melalui metod pengumpulan dan analisis data khususnya analisis persejarahan. Hasil kajian ini menunjukkan bahawa wujudnya peranan signifikan oleh Sultan dan Istana Kesultanan Melayu Terengganu sebagai instusi yang mempertahankan Akidah Islam pada masa tersebut. Kesimpulannya, Tradisi Keilmuan yang wujud di Istana Kesultanan Melayu Terengganu pada era tersebut sudah mampan serta peranan Sultan yang merupakan Ketua Negeri dan Agama adalah sangat besar di Terengganu.

**Kata Kunci:** Akidah, Debat, Istana Terengganu, Mubaligh Kristian

**Abstract:** *The 19th century has exhibited the existence of Christianization in the Malay world. The presence of the Christian Missionaries to this region has surged the development of the Christianization movement. Apart from that, the translation of Bible to Malay language was the essential medium for this movement in changing the worldview of the Islam in Malay world through the reconstruction of Islamic key-terms. This research will focus on the exposition of the Terengganu Malay Sultanate Palace role in preserving Islamic Creed ('Aqidah) constructed on the interfaith debate between the Sultan of Terengganu and Christian missionary in the 19th century. This qualitative study with the library research design is conducted through data collection method and data analysis especially historiographical analysis. The result of this study demonstrates that there was a significant role of the Sultan and the Palace of Terengganu Malay Sultanate as an institution that preserved the Islamic Creed ('Aqidah) during that time. Altogether, the intellectual tradition that has existed in the Palace of Terengganu Malay Sultanate in that era was already established as well as the massive role of Sultan as the Head of State and Religion*

**Keywords:** *Islamic Creed, Debate, Terengganu Malay Sultanate Palace, Christian missionary*

## Pendahuluan

Falsafah sejarah adalah suatu bidang penyelidikan yang penting dalam pemikiran Islam. Persejaraan Islam bukan sahaja memaparkan fakta-fakta mengenai peristiwa yang berlaku termasuk laporan-laporan kearkiban, malah secara didaktik menayangkan pandangan alam manusia pada waktu dan tempat berlakunya peristiwa itu.

Perkara tersebut dapat difahami melalui apa yang dicontohkan oleh Ibn Khaldun (1992) apabila beliau menamakan kitab tarikh atau sejarah beliau dengan nama *al- 'Ibr* yang bermaksud “teladan/ pengajaran”. Tajuk *al- 'Ibr* dikaitkan dengan catatan sejarah supaya memperlihatkan peri pentingnya sejarah tersebut difahami pengajarannya, diselesaikan enigma yang terkandung di dalamnya dan disaring kebenarannya bukan hanya dengan penyampaian bersifat nostalgik.

Bukan kesemua fakta-fakta sejarah yang merangkumi fakta-fakta bersifat runcitan harus diketengahkan dalam kajian sejarah sekalipun ia benar berlaku. Hanya fakta-fakta yang menayangkan makna-makna penting perlu diperhatikan dengan teliti. Bagi memahami kepentingan ini. Al-Attas (1990) memberi perumpamaan dengan menyatakan bahawa:

“Kita harus menganggap fakta fakta yang sedemikian itu sebagai perkataan-perkataan yang disusun dalam kamus; sungguhpun tiap sesuatu daripadanya menjelaskan kebenaran maknanya, akan tetapi pada keseluruhannya ia tiada mengandungi makna sebab penyusunannya hanya berdasarkan pada giliran huruf-hurufnya dalam abjad, bukan pada mempersangkut pautkan konsep-konsep perkataan-perkataan penting yang dapat menayangkan suatu gambaran mengenai pandangan hidup masyarakat yang menggunakan bahasa yang diperkamuskan itu”.

Menurut beliau lagi (2011), fakta harus ditafsirkan bukan semata-mata kehadirannya di luar akal fikiran sebagai kewujudan yang objektif, tetapi fakta harus diperhitungkan nilainya. Oleh yang demikian dalam menanggapi sejarah, falsafah sejarah sangat penting untuk diperhatikan kerana ia akan memberi makna kepada diri yang meneliti hakikatnya.

Walaupun debat perbandingan agama telah berlaku di zaman kegemilangan Islam seperti di Baghdad dan Andalusia, namun perkara berkenaan tidak berlaku secara meluas di Alam Melayu pada peringkat awal dialog antara agama adalah berbentuk implikasi daripada pertembungan bangsa (Azizan Baharuddin, 2008), bersifat tidak formal, atau berkisar dengan persoalan umum dalam kehidupan. Menurut Ahmad Faizuddin Ramli & Jaffary Awang (2018), dialog yang lebih tepat dinamakan sebagai Dialog Kehidupan, menjurus kepada perkongsian nilai kemasyarakatan dalam kalangan penganut pelbagai agama.

Dalam sejarah Islam khususnya pada zaman kegemilangannya di Andalusia, terdapat seorang tokoh cendekiawan Islam yang memberi sumbangan yang besar dalam bidang perbandingan agama iaitu Imam Ibn Ḥazm al-Zāhiry. Beliau mengemukakan kritikan dalam bidang perbandingan agama khususnya kepada agama Kristian. Kritikan Ibn Ḥazm ini telah diadaptasi oleh sarjana-sarjana Islam kontemporari seperti Ahmad Deedat, Zakir Naik dan lain-lain (M. Ahmad & Khadijah, 2011). Oleh yang demikian, kajian ini sangat penting untuk diketengahkan bagi memberi inspirasi kepada daie pada masa dalam merencana gerak kerja dakwah secara strategik dan berkesan.

Kajian ini bertujuan mendedahkan keilmuan Sultan Abdul Rahman dan kesungguhan baginda dalam mempertahankan akidah Islam melalui debat perbandingan agama di antara baginda dengan mubaligh Kristian iaitu Medhurst pada abad ke 19.

Kesungguhan raja-raja mempertahankan di era awal pemodenan bukan sahaja dari sudut politik dan kuasa sebagai ketua negara dan agama malah ada juga yang mempertahankan agama dengan cara ilmiah terutamanya dalam bidang perbandingan agama. Usaha Sultan Abdul Rahman melakukan perdebatan perbandingan agama adalah kesinambungan daripada usaha yang dilakukan oleh ulama Islam terdahulu seperti Ibn Hazm di Andalusia.

Ibnu Hazm mengarang kitab yang berjudul *al-Faṣl fī al-Milal wa al-Ahwa' wa al-Niḥal* (1985), bagi mengemukakan kritik-kritikan perbandingan agama. Dalam konteks agama Kristian, beliau mempersoalkan tentang Trinity dan beliau menyatakan bahawa agama Kristian ketika itu bukan lagi menganut fahaman monotesme akan tetapi mereka sebenarnya menganut fahaman politesme. Beliau juga menimbulkan keabsahan dan ketulenan bible pada ketika itu kerana wujudnya percanggahan fakta pada kitab tersebut (M. Ahmad & Khadijah).

Sumber sejarah tidak semestinya terhad kepada sumber-sumber persejarahan Islam sahaja tetapi perlu juga dilakukan rujukan silang dengan rujukan daripada luar Islam. Sumber tersebut perlu dibuat perbandingan dengan fakta-fakta yang diperolehi daripada sumber Islam bagi melihat kebenaran yang berlaku.

Dalam konteks kajian ini, laporan *Journal of a Voyage up the East Coast of the Malayan Peninsula*, (Medhurst, 1830) dalam *Transaction of The Missionary Society* (1831) mengenai debat perbandingan di antara *Rajah of Tringano* (Sultan Terengganu) dan seorang Mubaligh Kristian yang bernama Walter Henry Medhurst (1796 – 1857 M) yang merupakan penulis kepada laporan tersebut akan didedahkan.

Namun laporan yang bersifat *Christocentric* ini mestilah disaring mengikut pandangan alam Islam supaya dapat difahami dalam kerangka yang benar dan menatijahkan tafsiran yang tepat menurut hakikat dan kebenaran.

## Metodologi Kajian

Penulisan ini berdasarkan Pendekatan kajian kualitatif yang menggunakan reka bentuk kajian kepustakaan. Metode kepustakaan adalah kegiatan kajian yang berkaitan dengan koleksi data perpustakaan, membaca, merekod dan mengolah bahan-bahan penelitian (Ahmad Sunawari, 2011). Data-data yang digunakan adalah data primier, data sekunder, data dalam bentuk artikel, buku dan laporan penelitian serta sumber-sumber lain atau informasi yang relevan dengan topik penulisan ini. Kesemua data yang dikumpul dianalisis berdasarkan metode analisis kandungan teks, analisis persejarahan dan juga analisis deduktif yang mengetengahkan satu kesimpulan yang khusus daripada sesuatu pengetahuan umum serta analisis perbandingan di antara teks.

Sumber utama kajian ini adalah *laporan Journal of a Voyage up the East Coast of the Malayan Peninsula*, (Medhurst, 1830) dalam *Transaction of The Missionary Society* (1831). Pemilihan sumber ini dibuat kerana kurangnya kajian tempatan yang merekodkan data mengenai Sultan Abdul Rahman. Kaedah analisis perbandingan digunakan bagi menentukan keabsahan data. Laporan tersebut dibandingkan dengan sumber-sumber tempatan seperti *Mengkaji Sejarah Trengganu* (1965) oleh Haji Salleh bin haji Awang dan *Sejarah Trengganu* (1982) oleh Haji Buyong Adil bagi membuktikan berlaku peristiwa tersebut.

### Pedebatan Di Antara Medhurst Dengan Sultan Terengganu

Dalam penjelajahan Walter Henry Medhurst ke Semenanjung Tanah Melayu pada tahun 1828, beliau sempat singgah ke Negeri Terengganu sebanyak dua kali iaitu ketika perjalanan dari Singapura ke Pattani dan ketika perjalanan pulang dari Pattani ke Singapura.

Pada waktu tersebut beliau telah diundang oleh Sultan Terengganu ke Istana Terengganu. Dalam undangan tersebut telah berlaku tiga siri debat perbandingan agama, khususnya persoalan metafizik di antara Sultan Terengganu dan Medhurst.

Perdebatan tersebut bukanlah sebuah perdebatan yang provokatif kerana Sultan dan para ulama Terengganu tidak menjawab-balas fakta-fakta dan penghujahan yang dikemukakan oleh Medhurst sekalipun wujudnya kelemahan pada penghujahan beliau. Dalam siri perdebatan tersebut, dapat dilihat bahawa tindakan Sultan dan para ulama yang hanya bertanyakan soalan dan tidak menyerang jawapan yang dikemukakan oleh Medhurst adalah kerana menjaga maruah Medhurst sebagai seorang tetamu kehormat dan tidak berhasrat untuk mengaibkan atau menimbulkan ketegangan.

Tiga siri perdebatan ini menggambarkan iklim ilmiah di Terengganu khususnya di istana pada abad ke 19. Aktiviti keagamaan dan ilmiah tertumpu di istana sebagai tempat yang tertinggi di dalam sesebuah kerajaan. Kesungguhan sultan sebagai pemimpin dan ketua agama yang mengetuai perbincangan ilmiah, memperlihatkan peranan besar institusi istana dalam mempertahankan aqidah Islam.

### Siri Pertama (Kenabian Dan Hari Akhirat)

Siri pertama perdebatan belaku pada 31 ogos 1828 sebanyak dua sesi. Sesi yang pertama berlaku ketika Medhurst berjaya mengadap Sultan Terengganu setibanya beliau di Terengganu. Sultan Terengganu kemudiannya bertanya mengenai kemampuan Medhurst berbahasa Cina dan baginda meminta beliau membacakan kitab suci orang Cina (Buddha/ Konfusius) (Medhurst, 1830).

Setelah selesai pembacaan tersebut, Sultan Terengganu menyatakan bahawa baginda ingin mengetahui adakah orang-orang Cina mempunyai nabi dan bagaimanakah pemikiran mereka terhadap perkara yang berlaku selepas kematian.

Setelah Medhurst menjawab semua butiran tersebut maka baginda menjelaskan bahawa kelemahan orang-orang Cina adalah mereka tidak nampak kebenaran ketuhanan (*blind*) dengan menyakini tuhan yang ramai serta mereka tidak percaya kepada hari pembalasan atau hari akhirat. Medhurst (1830) mengatakan:

*“He (Rajah of Tringano) said that the Chinese were very blind, in acknowledging a plurality of Gods, and in not believing in the judgment day.”*

Medhurst mengakui perkara tersebut dan meyakini bahawa itulah tujuan beliau menyebarkan ajaran Kristian dengan mengunjungi semua tempat dan mengedarkan buku-buku bagi memperbetulkan pemikiran orang-orang Cina mengenai perkara tersebut dan memperkenalkan mereka kepada seorang “Penyelamat” iaitu Nabi Isa a.s.

Kemudian Sultan Terengganu bertanya adakah orang-orang Cina pernah mendengar perkhbarannya tentang Nabi Isa a.s. Medhurst mengatakan bahawa perkara berkenaan ada disebut mengenainya secara tidak langsung dalam kitab-kitab mereka, tetapi secara umumnya, mereka tidak mengendahkan perkara tersebut. Berkemungkinan apa yang dimaksudkan oleh Medhurst adalah berkenaan ramalan kedatangan *Maiterya* (Horner, 1975) sebagai penyelamat yang ditunggu-tunggu oleh penganut Buddha yang ada sedikit persamaan dengan watak Nabi Isa a.s.

Sebelum berangkat meninggalkan majlis tersebut baginda sempat bertanyakan tentang kitab-kitab suci bagi orang Kristian dan menitahkan supaya diperdengarkan bacaan dan penjelasan mengenai kitab-kitab tersebut. Setelah selesai pembacaan baginda berangkat meninggalkan majlis tersebut.

Pada sesi kedua, Medhurst sekali lagi diundang oleh Sultan bagi mendapatkan penjelasan lanjut mengenai ajaran Kristian berkenaan hari pembalasan dan kehidupan selepas kematian. Setelah mendengar penjelasan tersebut dan baginda mengatakan bahawa dalam ajaran agama orang Cina tidak ada perkara-perkara tersebut dan baginda sering menjelaskan kepada orang-orang Cina mengenai perkara tersebut tetapi mereka tidak sukar untuk menerimanya.

Medhurst menjelaskan kepada baginda bahawa agak sukar mengajarkan sesuatu kepada seseorang dengan menggunakan medium bahasa asing. Untuk mengajarkan kepada orang Cina mengenai perkara tersebut perlu menguasai bahasa ibunda mereka supaya mudah untuk mereka memahaminya.

Setelah mengkritik pegangan orang Cina, baginda memuji sikap keterbukaan mereka dan kesediaan mereka mendengar pujian dan teguran terhadap anutan mereka. Situasi ini menggambarkan kebijaksanaan Sultan Terengganu dalam mendidik dan berdakwah kepada orang-orang Cina dengan mengundang pihak ketiga yang tiada berkepentingan dalam negeri bagi menjelaskan kesilapan pemikiran mereka.

Perdebatan ini juga memperlihatkan keterbukaan dan ketinggian ilmu Raja Melayu dan rakyat ketika itu dalam perbincangan ilmiah apatah lagi terhadap perkara yang berkisar kepada

pemikiran yang tinggi lagi sulit seperti perkara-perkara metafizik. Selain itu, Sebagai ketua negeri dan agama, baginda memainkan peranan yang besar dalam perkembangan agama Islam dan mendakwah orang-orang Cina dengan memberi penjelasan mengenai perkara-perkara yang tidak diketahui oleh mereka khususnya tentang kebenaran ajaran Islam.

### Siri Kedua (Reinkarnasi)

Pada 1 september 1828, Medhurst sekali lagi diundang oleh Sultan Terengganu. Setelah dua jam Medhurst menjelaskan pertanyaan baginda mengenai keraian dan adat resam masyarakat Cina, Sultan Terengganu mula menimbulkan persoalan mengenai perpindahan atau reinkarnasi yang menjadi sebutan dalam kalangan mereka. Apakah bukti-bukti yang mereka kemukakan dalam mempertahankan keyakinan mereka terutama yang terkandung dalam kitab suci mereka.

Medhurst menjelaskan bahawa perkara tersebut diperkenalkan oleh agama Buddha dan tiada rujukan pada kitab-kitab Konfusius. Selepas mendengar fakta tersebut baginda tertawa dan mengajukan persoalan kepada mereka; jika manusia yang lahir sekarang berasal dari ruh manusia yang telah meninggal sebelumnya, maka dari manakah asalnya ruh-ruh manusiamanusia yang terawal? Maksudnya jika ruh itu berpindah-pindah kepada jasad yang lain pada kehidupan yang baharu, mesti ada permulaan ruh yang asal pada permulaan kejadian. Maka dari manakah asalnya ruh tersebut. Pertanyaan tersebut menyebabkan mereka terkedu dan medhurst sendiri tidak menyangka bahawa pertanyaan itu boleh keluar dari mulut seorang raja.

Jika diteliti pertanyaan yang telah dilontarkan oleh Sultan Terengganu, jelas bahawa persoalan tersebut menunjukkan bahawa baginda sudah mempunyai pengetahuan berkenaan agama masyarakat Cina sebelum itu. Ini tidak menolak kemungkinan baginda telah melakukan penyelidikan terhadap agama masyarakat Cina dan telah lama berinteraksi dengan mereka.

Tindakan baginda meminta dalil daripada kitab-kitab suci masyarakat Cina berkenaan perpindahan ruh kepada kelahiran semula atau *samsāra* (Harvey, 2012) adalah untuk menjelaskan kepada masyarakat Cina perbezaan di antara ajaran agama Buddha dan apa yang tertulis dalam kitab-kitab Konfusius. Kemampuan baginda memahami hubungan ajaran Buddha dan Konfusius membuktikan bahawa baginda mengkaji agama masyarakat Cina dengan sangat terperinci dan sering berinteraksi dengan masyarakat Cina.

Lantaran itu, baginda mampu mengajukan pertanyaan yang berkaitan kerangka dasar pengangan masyarakat Cina. Pertanyaan berbentuk *big question* yang merangkumi unsur metafizik dan kosmologi itu menyebabkan mereka sukar untuk menjawab-balas dengan penghujahan yang jitu.

Kemudian Medhurst menyatakan orang-orang Melayu berada dalam kebenaran. Beliau menegaskan bahawa orang-orang Melayu mempunyai mata dan telinga yang mampu melihat bahawa tuhan-tuhan yang disembah oleh masyarakat Cina yang terdiri daripada patung-patung tidak masuk akal. Tindakan mereka menyembah benda tersebut tidak bermanfaat bagi mereka sama ada di dunia atau selepas kematian.

Menurutnya lagi, kertas emas yang mereka bakar tidak akan bertukar menjadi wang tetapi hanya menjadi abu yang ditiup angin. Orang Melayu juga melihat masyarakat Cina menyembah kepada tuhan ciptaan manusia maka tuhan tersebut terikat dengan bentuk yang

telah ditentukan oleh manusia. Bagi Medhurst penghujahan orang Melayu sangat mendalam dan apabila ditanya mengenai siapakah tuhan yang paling layak disembah beliau menjawab tuhan yang menciptakan seluruh alam dan bukan tuhan yang disembah hasil dari ciptaan manusia.

### **Doktrin Kristian**

Selepas makan malam, Sultan dan para ulama menziarahi Medhurst bagi meneruskan perbincangan mengenai agama masyarakat Cina. Selepas itu, baginda mula bertanyakan mengenai agama Kristian. Medhurst ditanya mengenai asal-usul penciptaan dan manusia dan beliau menjawab mengikut ajaran Kristian.

Kemudian seorang ulama bertanya mengenai siapakah Nabi Isa a.s dan baginda anak kepada siapa? Medhurst mengelak daripada diajukan soalan lanjutan dengan menjawab: “Tuhan lebih mengetahui”.

Setelah Medhurst membacakan beberapa petikan Perjanjian Baharu dalam bahasa Melayu yang diperolehi dari Singapura (tidak dinyatakan versi terjemahan siapa), para ulama bertanya kepada beliau adakah syariat Nabi Musa a.s terbatal dengan adanya Injil (*Gospel*) Nabi Isa a.s? Medhurst menegaskan bahawa syariat Nabi Musa a.s tidak terbatal dan ianya berterusan. Para ulama kemudiannya melanjutkan pertanyaan mengenai tugas Nabi Isa a.s. Medhurst menjawab baginda menyelamatkan orang-orang yang berdosa dengan mengorbankan diri pada kayu salib dan menanggung semua dosa-dosa itu dengan jasadnya di sebatang pohon.

Salah seorang ulama mengatakan kepada Medhurst sebenarnya Nabi Isa a.s. belum wafat dan masih hidup di langit ke tujuh. Baginda akan kembali memerintah di seluruh Bumi selama 40 tahun. Kemudian beliau bertanya kepada Medhurst adakah perkara itu disebut dalam Bible? Medhurst menjawab tidak sekali-sekali, baginda memang sudah wafat dan akan kembali menjadi hakim (pada hari kiamat menurut pandangan agama Kristian).

### **Siri Terakhir Perdebatan**

Dalam perjalanan pulang ke Singapura, pada 20 September 1828, Medhurst sempat sekali lagi singgah di Terengganu. Pada 22 September, Sultan sekali lagi mengundang beliau ke Istana. Para ulama juga turut berkumpul dan bersama mereka sebuah Bible dalam bahasa Melayu. Masih belum dapat dipastikan terjemahan Bible tersebut adakah versi yang sama seperti yang dimiliki oleh Medhurst.

Setelah meminta Medhurst membacakan beberapa bab dalam Bible, para ulama mula mengutarakan soalan kepada beliau kenapa beliau tidak merujuk hal-hal tersebut dalam al-Quran. Adakah orang-orang Kristian tidak membaca al-Quran sedang kaum Muslim membaca Bible mereka. Medhurst mengakui kesukaran bagi orang Kristian membaca al-Quran kerana ia dalam bahasa Arab. Ada juga sebilangan mereka yang berbahasa Arab, membaca al-Quran tetapi tidak menyetujuinya kerana berbeza dengan kandungan Bible.

Para ulama meminta penjelasan apakah perbezaan yang dimaksudkan oleh Medhurst, lalu beliau menjelaskan bahawa perceraian atau pembubaran perkahwinan dan poligami yang ada dalam ajaran Islam, adalah dilarang dalam Agama Kristian.

Selain itu, al-Quran juga mengatakan bahawa Maryam iaitu ibu kepada Nabi Isa a.s. adalah saudara perempuan kepada Nabi Musa a.s. Bagaimana perkara boleh diterima sedangkan jarak masa di antara mereka lebih 1000 tahun dan tidak mungkin Maryam yang dimaksudkan adalah Maryam yang lain iaitu Miriam saudara perempuan kepada Nabi Musa a.s. Orang Kristian juga mendakwa Maryam mengetahui bahawa anaknya Nabi Isa a.s adalah tuhan.

Salah seorang ulama berkata bahawa beliau pernah mendengar orang Kristian mengatakan bahawa Nabi Isa a.s “anak tuhan” maka bagaimana baginda boleh dilahirkan sebagai seorang anak Adam? Medhurst menjawab bahawa dari sudut jasa memang baginda anak Adam tapi dari sudut ruh baginda adalah anak tuhan. Menurut beliau lagi perkara ini bertepatan dengan perkataan yang disebut oleh Kaum Muslimin iaitu Isa “Ruh-Tuhan” (*The Spirit of God*).

Salah seorang ulama bertanya kepada seorang paderi yang bersama Medhurst ketika itu, apakah sebenarnya yang dimaksudkan dengan “Ruh-Tuhan” itu. Paderi itu menjawab, ia bermaksud ruh tuhan yang hakiki dan ruh tuhan itu adalah hakikat zat tuhan sendiri. Seumpama manusia, tanpa ruh siapalah kita.

Seperti yang telah dinyatakan sebelum ini, Perdebatan yang telah dijelaskan sebelum ini bukanlah sebuah perdebatan yang provokatif. Sultan dan para ulama tidak menjawab-balas fakta-fakta yang telah dikemukakan oleh pihak Medhurst bukan kerana buntu tetapi mereka tidak berhasrat mengaibkan tetamu kehormat yang diundang.

Sultan dan para ulama Terengganu menyedari kelemahan para mubaligh Kristian dalam Bahasa Arab dan itu diakui sendiri oleh Medhurst. Sebenarnya yang disebut dalam al-Quran bukanlah Maryam itu saudara perempuan Nabi Musa, tetapi yang disebutkan adalah saudara perempuan Nabi Harun a.s. Sekalipun baginda berdua bersaudara al-Quran tidak menyandarkan perkataan tersebut kepada Nabi Musa a.s.

Para ulama khususnya bidang Tafsir telah memahami perkata “*ukht Harun*” (saudara perempuan Harun) di dalam al-Quran bermaksud kiasan bagi memuliakannya kerana kesolehan dan kezuhudan Maryam seumpama Nabi Harun a.s sebelumnya (al-Qurtubi, 1935).

Begitu juga perkataan Nabi Isa a.s sebagai “Ruh daripada-Nya (Allah)” (al-Nisa’:171), mereka juga mengetahui bahawa perkataan tersebut adalah kiasan dan bermaksud ruh suci ciptaan tuhan. Perkataan ruh dikaitkan Nabi Isa a.s bagi menunjukkan kesucian kerana dilahirkan tanpa proses biologikal daripada seorang bapa dan disandarkan kepada Allah bagi memuliakan baginda (al-Razi, 2000).

Demikianlah betapa tingginya adab seorang Sultan dan para ulama. Mereka ingin memperbetulkan akidah dan pemikiran yang salah dengan penuh berhikmah dengan hanya mengajukan soalan-soalan yang menyentuh kerangka dasar pandangan Alam tidak menyerang dan menimbulkan ketegangan.

Sebelum mereka mengemukakan soalan berkenaan, mereka telah mengetahui bahawa orang-orang Nasrani/Kristian mendakwa bahawa Nabi Isa a.s. anak Allah s.w.t kerana perkara itu telah diceritakan di dalam al-Quran. Di dalam Surah al-Ikhlâs (ayat 3-4) juga Allah telah menegaskan bahawa “Dia sama sekali tidak beranak atau diperanakkan dan tiada sesuatupun yang setara dengan-Nya”.



### **Sultan Abdul Rahman Ibn Sultan Zainal Abidin II**

Dalam laporan yang telah didedahkan sebelum ini, Medhurst tidak menyatakan dengan jelas nama *The Rajah of Tringano* ketika itu. Setelah dibuat perbandingan dengan beberapa rujukan lain didapati bahawa Sultan Terengganu yang memerintah ketika itu adalah Sultan Abdul Rahman Ibni Sultan Zainal Abidin II. Baginda memerintah pada waktu yang sangat singkat sekitar enam bulan sahaja (Haji Buyung Adil, 1982).

Baginda adalah Sultan kelima memerintah Terengganu yang ditabalkan sebagai Sultan setelah kemangkatan kekanda baginda seibu-sebapa iaitu Sultan Ahmad Ibni Sultan Zainal Abidin II. Jika dilihat tarikh yang dikemukakan oleh pihak Lembaga Muzium Negeri Terengganu (LMNT) baginda naik tahta pada tahun 1930, akan tetapi jika dibandingkan dengan laporan Medhurst beliau menghadap baginda pada tahun 1828. Medhurst juga sempat menghadap Tengku/ Sultan Daud yang ketika itu adalah Raja Muda dan merupakan putera kepada Sultan Ahmad iaitu Kekanda Sultan Abdul Rahman. Beliau menjelaskan bahawa (Tengku Daud) adalah putera kepada Sultan yang terdahulu dan akan menaiki tahta tetapi telah didahului oleh adinda kepada ayahandanya. Medhurst menyatakan (1830,155):

*“This, it appears, was the son of the former Rajah, who would have succeeded to the throne, but was superseded by his father's younger brother”.*

Maka perbezaan tarikh berlaku, tidak menolak kemungkinan Sultan Abdul Rahman sudah memangku tugas sebagai Sultan Terengganu sebelum kemangkatan Sultan Ahmad.

Dalam *Tuhfah al-Nafis* versi Terengganu (1991) mempunyai versi yang berbeza. Di dalam karya tersebut dimuatkan silsilah Kesultanan Terengganu yang menunjukkan bahawa Sultan Abdul Rahman adalah putera kepada Sultan Ahmad dan merupakan saudara kepada Sultan Daud.

Namun menurut sumber LMNT baginda adalah putera kepada Sultan Zainal Abidin II, Saudara kepada Sultan Ahmad. Oleh itu jelaslah bahawa baginda adalah bapa saudara kepada Sultan Daud. Fakta tersebut juga disokong oleh Haji Buyung Adil (1982) dan Mohamed Anuar & Nik Anuar (2011) yang menjelaskan bahawa Sultan Abdul Rahman menggantikan saudara baginda iaitu Sultan Ahmad selepas kemangkatan kekanda baginda itu.

### **Marhum Surau**

Terdapat perbezaan pandangan mengenai gelaran kepada Sultan Abdul Rahman, pendapat yang pertama bahawa baginda digelar “Marhum Surai” kerana memiliki rambut yang panjang namun pendapat yang kedua menyatakan bahawa baginda digelar “Marhum Surau” sepertimana yang tercatat pada batu nisan maqam baginda yang terletak di Perkuburan Syeikh Ibrahim, Kuala Terengganu.

Enigma ini mungkin disebabkan kerana struktur dialek Terengganu. Dalam kaedah fonetik dialek Terengganu, vokal U atau I yang berada selepas vokal A, kebiasaannya tidak dituturkan dengan jelas. Sebagai contoh “kacau” dan “kucai” (daun) akan dituturkan dengan “kaca” dan “kuca”. Oleh yang demikian, perkataan “surau” dan “surai” dalam kaedah fonetik masyarakat Terengganu, akan dituturkan dengan bunyi “sura”. Maka tidak hairanlah berlaku kekeliruan dalam menyebut gelaran baginda sama ada Marhum Surai atau Marhum Surau.

Namun catatan yang tertulis pada nisan maqam baginda membuktikan gelaran yang sebenarnya adalah Marhum Surau. Fakta ini dapat disokong dengan melihat kepada peranan dalam mempertahankan agama dan kemampuan intelektual baginda.

Dalam perdebatan yang telah didedahkan sebelum ini, baginda sendiri yang mengetahui perdebatan tersebut. Ini memperlihatkan kesungguhan baginda dalam mempertahankan agama dan soalan-soalan yang baginda ajukan memperlihatkan kearifan baginda bukan sahaja dalam keilmuan Islam, malah agama-agama yang lain.

Dalam sejarah keagamaan masyarakat Melayu, walaupun “surau/ suro” berasal dari zaman pra-Islam yang dikaitkan dengan biara, namun selepas proses islamisasi Alam Melayu, perkataan tersebut telah berubah bersama perubahan pandangan Alam kaum Muslimin di rantau ini yang membawa makna yang baharu iaitu Masjid yang kecil yang tidak didirikan padanya solat Jumaat (Kern, 1956).

Malah lebih daripada itu, surau bukan sahaja dilihat sebagai tempat ibadah yang suci, tetapi juga merupakan sebuah institusi keilmuan Islam dan sering dikaitkan dengan pendidikan Islam. Perkara tersebut berkait rapat dengan gelaran bagi pengurusan masjid atau surau dengan nama “siak” (Kroeskamp, 1931). Perkataan tersebut berasal daripada kehadiran orang-orang Siak dari Riau ke tanah Minangkabau untuk belajar keagamaan di “surau”.

Berdasarkan hubungan tersebut, sangat munasabah jika Sultan Abdul Rahman yang mempunyai ilmu agama yang tinggi dan sangat prihatin kepada urusan agama diberi gelaran yang mulia iaitu “Marhum Surau”.

### **Iklm Ilmiah Istana Kesultanan Terengganu**

Salah satu perkara penting untuk diketengahkan adalah iklim keilmuan yang wujud pada abad 19. Iklim ilmiah dimaksudkan di sini merujuk kepada dua peringkat proses keilmuan yang berjalan serentak. Pertama adalah suasana atau persekitaran intelektual (*intellectual environment*) dan kedua adalah persekitaran yang mendidik (*educative environment*).

Persekitaran intelektual adalah lingkungan tradisi keilmuan yang wujud di istana yang sangat aktif dalam membahaskan perkara-perkara yang mendalam mengenai soal keagamaan dan sebagainya. Perkara ini kelihatan apabila istana dijadikan lokasi perdebatan yang membuktikan wujudnya tradisi keilmuan dalam kalangan orang-orang Melayu serta Sultan yang memimpin mereka.

Persoalan dasar yang ditimbulkan dan hujah-hujah yang dikemukakan memaparkan ketinggian ilmu pengetahuan Sultan dan orang-orang Melayu. Hal ini diakui sendiri oleh Medhurst dalam menjelaskan perbezaan orang-orang Melayu dan orang Cina. Beliau menegaskan bahawa Sultan dan orang-orang Melayu adalah golongan yang terpelajar.

Persekitaran kedua iaitu persekitaran yang mendidik yang menjadi pemangkin kepada menyebarkan ilmu dan dakwah oleh masyarakat Islam di Kesultanan Melayu Terengganu.

Perkara ini dapat dilihat apabila Sultan mengadakan debat terbuka yang disertai bukan sahaja orang-orang Melayu tetapi turut disertai oleh orang-orang Cina. Selain itu Sultan juga menjelaskan bahawa baginda sendiri kerap kali mengajar orang-orang Cina tentang

kepercayaan yang benar tetapi perkara tersebut sukar untuk diterima oleh masyarakat Cina.

Kedua-dua persekitaran ini membawa kepada pembentukan iklim ilmiah dalam Kesultanan Melayu Terengganu yang menjadi asas kepada pembentukan masyarakat yang mempunyai budaya ilmu dalam tradisi Islam sepertimana yang telah dijelaskan oleh Prof Wan Mohd Nor (2019) bahawa budaya ilmu adalah kewujudan satu keadaan setiap lapisan masyarakat melibatkan diri, baik secara langsung atau tidak langsung, dalam kegiatan keilmuan bagi setiap kesempatan.

### **Kesimpulan**

Perdebatan yang telah dibincangkan sebelum ini sangat penting untuk diketengahkan bagi menggambarkan peranan Istana Kesultanan Melayu Terengganu dalam mempertahankan Islam. Selain itu ia juga memperlihatkan iklim ilmiah yang wujud dalam kesultanan tersebut pada abad ke-19. Sultan sebagai pemimpin utama negeri, memainkan peranan yang signifikan dalam mempertahankan akidah Islam. Manakala iklim ilmiah ketika itu memperlihatkan ketinggian ilmu pengetahuan dan peradaban Kaum Muslimin di Alam Melayu.

Pendedahan ini perlu dilakukan kajian lanjutan pada masa akan datang berdasarkan skop penyelidikan yang berbeza bagi memperlihatkan ketinggian Tamadun Melayu Islam sekalipun di era penjajahan. Sebagai contoh dari sudut sains dan teknologi, Medhurst (1930) menceritakan pertemuannya dengan anak saudara kepada Sultan Terengganu iaitu (Tengku Daud) yang ketika itu sedang mengunci pistolnya. Beliau menjelaskan:

*“He (Tengku Daud) seemed quite taken up with his muskets, and showed me several, which were made in Tringano, and asked if we could make any so good in Europe”.*

Pertanyaan Tengku Daud ini menjelaskan bahawa pada waktu tersebut telah berlaku perkembangan teknologi khususnya pembuatan senjata api di Terengganu yang membuktikan ketinggian peradaban Kesultanan Melayu Khususnya Kesultanan Terengganu.

## Rujukan

- Ahmad Faizuddin Ramli & Jaffary Awang. (2018). *Sejarah Dialog Antara Agama Di Malaysia*. Jurnal Hadhari 10 (2):169-190
- Al-Attas. SM Naquib. (1990). *Islam dalam Sejarah dan Kebudayaan Melayu*. Kuala Lumpur: ABIM.
- \_\_\_\_\_. (2011). *Historical Fact and Fiction*. Kuala Lumpur:UTM.
- Azizan Baharuddin. (2008). *Peranan dialog peradaban di dalam wacana tamadun Malaysia*. Jurnal Peradaban-Jurnal Rasmi Pusat Dialog Peradaban 1: 25-41.
- Al-Qurtubi. Abi Abdillah Muhammad Bin Ahmad al-Ansari. (1935). *Jami' Ahkam al-Quran*. Kaherah: Dar al-Kutub al-Misriyyah.
- Al-Razi. Fakhru al-Din Muhammad bin 'Umar. (2000). *Tafsir al-Kabir*. Beirut: Dar al-Kutub Ilmiyyah
- Ahmad Sunawari long. (2011). *Pengenalan Metodologi Penyelidikan Pengajian Islam*. Bangi: Jabatan Usuluddin Dan Falsafah, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Haji Buyung Adil. (1982). *Sejarah Trengganu*. Kuala Lumpur: DBP.
- Haji Salleh bin haji Awang (1965) *Mengkaji Sejarah Trengganu*. Singapura: Al-Ahmadiyah Press
- Peter Harvey. (2012). *An Introduction to Buddhism: Teachings, History and Practices*. Cambridge University Press.
- Horner. IB. ed. (1975). *The minor anthologies of the Pali canon*. Volume III: Buddhavaṃsa (Chronicle of Buddhas) and Cariyāpiṭaka (Basket of Conduct). London: Pali Text Society.
- Ibnu Khaldūn. Abu Zayd 'Abd ar-Rahman ibn Muhammad ibn al-Hadrami. (1992). *Tarikh Ibnu Khaldūn*. Beirut: Darul al-Kutub al-Ilmiyyah.
- Ibnu Ḥazm, Abū Muḥammad 'Alī ibn Aḥmad. (1985). *al- Faṣl fī al-Milal wa al-Ahwa' wa al-Niḥal*, (ed.), Muhammad Ibrahim Nasr and Abdul Rahman Amirah, Beirut: Dar al-Jail.
- Kern. R.A. (1956). *The Origin Of The Malay Surau*. Kuala Lumpur: Journal of The Malayan Branch of Royal Asiatic Society. Vol. 29. (179-181).
- Kroeskamp Hendrik. (1931). *De westkust en Minangkabau (1665-1668)*. Drukkerij Fa. Schotanus & Jens.
- Mahmud Ahmad & Khadijah Mohd. Khambali @ Hambali. (2011). *Ibn Hazm Approach On Christianity: An Analysis To His Book Al-Fisal Fi Al-Milal Wa Al-Ahwa Wa Al-Nihal*. Jurnal Usuluddin. UM
- Wan Mohd Nor Wan Daud. (2019). *Budaya Ilmu: Makna dan Manifestasi dalam Sejarah dan Masa Kini*. Kuala Lumpur: UTM.